

**KEMAMPUAN POLITEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM PENDIDIKAN KHAS BAGI
PELAJAR PEKAK**

TUAN RAKIZA BT. TUAN MAHMUD

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC 2003

DEDIKASI

Khas untuk **suami dan dua cahayamata yang tercinta.**

Terima kasih di atas kasih sayang, doa serta semangat yang diberikan.

Jua buat **ayahanda, bonda, kekanda dan adinda** yang disayangi dan dikasihi.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga di atas pengorbanan, doa dan dorongan yang diberikan selama ini.

Semuga Allah memberi rahmatNya dari dunia hingga akhirat

Wassalam



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyempurnakan projek sarjana ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pembimbing projek, Dr wan Mohd Rashid bin Wan Ahmad di atas segala bimbingan, nasihat serta dorongan yang diberikan sepanjang Projek Sarjana ini dilaksanakan.

Penghargaan juga diberikan kepada PM Tuan Hj Ayob B. Johari dan Encik Saifullizam b. Puteh selaku ahli panel VIVA yang telah memberikan cadangan-cadangan yang bernas dalam memantapkan lagi Projek Sarjana ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Pengarah, pentadbir, pensyarah-pensyarah dan para pelajar politeknik Johor Bahru, politeknik Shah Alam dan Politeknik Ungku Omar kerana telah memberi kerjasama dalam menjayakan Projek Sarjana ini. Juga tidak dilupakan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung khususnya kepada rakan-rakan seperjuangan di atas segala bentuk bantuan yang diberikan. Semoga Projek Sarjana ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak. Insya Allah....

ABSTRAK

Tujuan kajian dijalankan adalah untuk mengenalpasti kemahiran serta ilmu pengetahuan khusus yang diperlukan oleh pensyarah dalam menjayakan Program Pendidikan Khas untuk pelajar pekak di Politeknik bagi mengetahui kemampuan sebenar Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam melaksanakan program tersebut. Program pendidikan khas ini diwujudkan adalah untuk memenuhi keperluan pelajar yang cacat pendengaran supaya mereka mendapat pendidikan yang sama seperti pelajar normal. Kaedah soal selidik digunakan bagi mendapatkan persepsi pensyarah Politeknik. Sejumlah 40 orang responden yang terdiri dari tiga buah Politeknik iaitu PJB, PUO dan PSA yang terlibat di dalam kajian ini. Kemudian data kajian dianalisis dengan menggunakan SPSS 11.0 (*Statistical Package for Social Science series 11.0*) dan dikemukakan dalam bentuk taburan skor min dan nilai peratusan. Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhannya responden menyatakan bahawa kursus khas dan kemahiran berkomunikasi dengan pelajar sangat perlu bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Rata-rata responden menyatakan bahawa pensyarah yang tidak mempunyai latihan khas akan merasa kurang yakin untuk mengendalikan pelajar istimewa ini. Akhir sekali, beberapa dapatan dari kajian ini diharap dapat dimanfaatkan untuk mempertingkatkan lagi usaha untuk melihat kejayaan yang besar di dalam melaksanakan program tersebut.

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the degree of knowledge and skill needed by lectures to succeed the Special Education Programme for deaf students in Polytechnics. This research was also done to identify the capability of the Educational Ministry in conducting this programme successfully. This special programme was implemented to aid students with hearing problems so that they could get the same quality of education that normal student would get. Questionnaires were distributed to Polytechnics Lectures to get their views and perceptions. A total of 40 respondents from three Polytechnics were chosen. The three Polytechnics involved were PJB, PSA and PUO. Data collected was analysed through the SPSS 11.0 (statistical Package For Sosial Science series 11.0) programme in the term of min score distribution and percentage value. The research has shown that all the respondents agree that special courses and communication skill are needed to make that the teaching and learning process runs smoothly. Respondents have also expressed their opinions that the lecture without any special skill or training will not have the confidence to teach the deaf students. Lastly I hope this research will benefit the lectures, students and extra input will be invested to make the existing programme a better success.



PTIA
PEKERJAAN TUNJUK AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAHAGIAN SATU PENDAHULUAN

BAB I	PENGENALAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pendidikan Khas	3
	1.3 Latar Belakang Masalah	4
	1.4 Pernyataan Masalah	6

1.5	Tujuan kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Skop Kajian	9
1.8	Batasan Kajian	9
1.9	Definisi Istilah	10
2.0	Rumusan	12

BAHAGIAN DUA KAJIAN LITERATUR

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Senario Pendidikan Khas	13
2.2	Peranan Pendidikan Khas.	15
2.3	Falsafah Pendidikan Khas.	16
2.4	Peranan guru-guru Khas.	17
2.5	Pelajar-pelajar Pekak.	18
2.6	Kemahiran Berkomunikasi.	19
	2.6.1 Pengetahuan dan kemahiran guru.	20
2.7	Kemahiran Pedagogi	20
	2.7.1 Amalan Pengajaran.	21
	2.7.2 Guru Khas Sebagai Pemangkin	22
	2.7.3 Kaedah Pengajaran Khas	22
2.8	Latihan Profesional bagi Guru-guru Khas.	23
	2.8.1 Sistem Sokongan dan Peranan Profesional	24
	2.8.2 Pendidikan dan Perkembangan Guru	25
2.9	Peralatan Dan Kemudahan.	26
2.10	Rumusan	27

**BAHAGIAN TIGA
METODOLOGI KAJIAN**

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Kaedah Penyelidikan	28
3.2	Rekabentuk Kajian	29
3.3	Populasi Kajian	30
3.4	Sampel Kajian	31
3.5	Instrumen Kajian	32
3.5.1	Borang Soal Selidik	33
3.5.2	Temibual	36
3.6	Kajian Rintis	37
3.7	Pengumpulan Data	37
3.8	Kaedah Penganalisan Data	38
3.9	Batasan kajian	40
3.10	Rumusan	40

**BAHAGIAN EMPAT
ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

BAB IV ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	41
4.2	Kajian Rintis	42
4.3	Bilangan Responden	44
4.4	Analisis Bahagian A	44
4.4.1	Jantina	45
4.4.2	Bangsa	45
4.4.3	Umur.	46

4.4.4	Pengalaman mengajar.	47
4.4.5	Jadual Waktu Persendirian Dalam Tempoh Seminggu.	47
4.4.6	Bilangan Tugas Penting yang Disandang oleh Pensyarah.	48
4.4.7	Kelulusan Ikhtisas	49
4.4.8	Latihan Pendidikan Khas.	50
4.5	Analisis Bahagian B.	50
4.5.1	Penguasaan kemahiran Pedagogi di Dalam Proses Pengajaran .	52
4.5.2	Latihan Kemahiran Yang sedia ada terhadap pensyarah.	55
4.6	Analisis Bahagian C	58
4.6.1	Kemudahan untuk proses pengajaran dan pembelajaran.	58
4.7	Rumusan	60

BAHAGIAN LIMA

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Perkembangan Dan Realiti Pendidikan Khas di Politeknik.	61
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	62
5.2.1	Penguasaan Kemahiran Pedagogi Pensyarah di dalam Menjalankan Proses Pengajaran.	63
5.2.2	Latihan Kemahiran Khas.	65
5.2.3	Kemudahan Prasarana yang disediakan.	66
5.3	Rumusan Dan Cadangan Kajian.	67

	xi
5.3.1 Latihan Kemahiran Khas.	67
5.3.2 Kemahiran Menjalankan Proses Pengajaran Dan Pembelajaran.	72
5.3.3 Lain-lain Cadangan	74
5.3.4 Cadangan Penyelidikan Akan Datang.	77
5.4 Rumusan	78

RUJUKAN	79
LAMPIRAN	84



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Spesifikasi Item Mengikut Faktor.	35
4.1	Bilangan responden dan Jabatan yang terlibat.	44
4.2	Taburan Responden Berdasarkan Jantina.	45
4.3	Taburan Responden Berdasarkan Bangsa.	46
4.4	Taburan responden Mengikut Umur	46
4.5	Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	47
4.6	Taburan Responden Berdasarkan Jadual Waktu Persendirian.	48
4.7	Taburan responden Berdasarkan Tugas penting	49
4.8	Taburan Responden Berdasarkan Kelulusan Ikhtisas	49
4.9	Taburan responden Berdasarkan Latihan Pendidikan Khas.	50
4.10	Skala dan Keputusan Analisis.	51
4.11	Jadual tahap Kecenderungan.	51
4.12	Peratusan Penguasaan Kemahiran Pedagogi Pensyarah	53
4.13	Skor min dan sisihan piawai bagi penguasaan kemahiran pedagogi pensyarah.	54
4.14	Peratusan Latihan Kemahiran yang sedia ada	57
4.15	Skor min dan sisihan piawai bagi Latihan Kemahiran yang sedia ada	57

4.16	Peratusan Kemudahan prasarana yang disediakan	59
4.17	Skor min dan sisihan piawai bagi Kemudahan prasarana yang disediakan	59



SENARAI RAJAH

**NO. RAJAH
SURAT**

TAJUK

MUKA

5.1

Elemen penting di dalam penyediaan
perancangan.

72



PTTA UTHIM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN.

DB	-	Decibels.
P/PL	-	Pensyarah politeknik.
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia.
P & P	-	Pengajaran dan Pembelajaran.
PJB	-	Politeknik Johor bahru.
PSA	-	Politeknik shah Alam.
PUO	-	Politeknik Ungku Omar.
SPSS	-	Statistical Package for sosial science.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN SURAT	TAJUK	MUKA
A-1	Borang soal selidik	84
A-2	Soalan Temubual Kepada Pengarah Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia.	91
A-3	Soalan Temubual Kepada Pensyarah Program Pendidikan Khas	93
B-1	Nilai Alpha : Kajian Rintis.	95
C-1	Nilai Peratusan Penguasaan kemahiran Pedagogi.	97
C-4	Nilai Peratusan Latihan Kemahiran Khas.	100
C-6	Nilai Peratusan Kemudahan Asas yang disediakan.	102
D-1	Min Penguasaan Kemahiran Pedagogi.	104
D-2	Min Latihan Kemahiran Khas	105
D-3	Min Kemudahan Asas yang disediakan.	106
D-4	Min Keseluruhan.	107

BAB I

PENDAHULUAN



PT. AL-FATHM
PERPUSTAKAAN AL-FATHM TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

Di dalam bab ini pengkaji akan mendedahkan perkara-perkara yang menjadi pokok persoalan kajian iaitu meliputi pengenalan kajian, latar belakang masalah, pernyataan masalah, persoalan kajian, tujuan kajian, skop kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi istilah. Kesemuanya ini akan dibincangkan serta diperluaskan di dalam bab-bab seterusnya.

1.1 Pengenalan.

Di peringkat awal pendidikan formal, semua kanak-kanak (samada bermasalah atau tidak) ditempatkan di sekolah-sekolah biasa kerana hanya satu jenis sekolah sahaja yang terdapat pada masa itu. Pendidikan dan perkhidmatan khas bagi murid yang memerlukan tidak timbul. Guru-guru dijangka mampu untuk menangani apa-apa jenis masalah pembelajaran yang timbul. Kanak-kanak yang dianggap sukar

untuk diajar, seperti yang mengalami kecacatan, tidak bersekolah. Atas kesedaran sosial dan agama, ahli masyarakat terutama ibu bapa dan kumpulan mubaligh, telah memulakan sistem persekolahan bagi kanak-kanak yang mengalami kecacatan. Kanak-kanak yang mengalami kecacatan dan bermasalah untuk diajar dan yang tidak berpeluang untuk bersekolah, mula diberi peluang untuk bersekolah di sekolah-sekolah khas. Pelajar-pelajar yang mengalami masalah pembelajaran dan tingkahlaku dikeluarkan dari kelas-kelas biasa dan diasingkan di kelas-kelas khas.

Pelajar-pelajar luar biasa adalah pelajar yang cacat pendengaran, cacat penglihatan, terencat akal, cacat fizikal dan termasuklah pelajar-pelajar yang cerdas pintar. Pelajar-pelajar jenis ini dikenali sebagai pelajar istimewa. Pendidikan adalah hak semua untuk mendapatkannya. Begitu juga dengan golongan yang istimewa, mereka berhak untuk mendapat pendidikan. Dalam usaha negara memenuhi wawasan 2020, Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha merealisasikan konsep pendidikan untuk semua dan telah menyediakan peluang serta perkhidmatan pendidikan bagi kanak-kanak dengan keperluan khas ini. Walaupun mereka kekurangan dari satu sudut tetapi mereka mempunyai kelebihan yang mungkin tidak dipunyai oleh orang yang normal.

Selari dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan falsafah Pendidikan Khas yang bersifat progresivisme seperti berikut :

“Falsafah Pendidikan Khas ialah untuk menyediakan peluang yang sama kepada kanak-kanak khas seperti yang diberi kepada kanak-kanak biasa untuk perkembangan psiko sosial yang seimbang. Falsafah ini diselaraskan dengan objektif untuk memastikan bahawa keperluan tenaga rakyat dipenuhi dan memastikan bahawa sistem pendidikan itu dapat memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih.”

(1986 : 3)

Jelas di sini bahawa keperihatinan kerajaan dalam menjadikan golongan yang kurang bernasib baik sebagai golongan yang diperlukan oleh negara dalam memenuhi matlamat negara.

1.2 Pendidikan Khas

Pendidikan khas yang direkabentuk untuk memenuhi keperluan mendidikan pelajar berkeperluan khas. Pengajaran tersebut boleh berlaku dalam pelbagai keadaan, sama ada di sekolah, rumah atau di hospital. Secara khusus, Pendidikan khas boleh diistilahkan sebagai satu bentuk pengajaran yang dirancang secara tersendiri, dilaksanakan secara teratur, serta dinilai keberkesanannya secara teliti untuk membantu kanak-kanak berkeperluan khas mencapai tahap berdikari paling tinggi dan kejayaan hidup yang memuaskan.

Satu tinjauan oleh UNESCO pada tahun 1986-1987 menunjukkan ketidakseimbangan di dalam tahap kemajuan pendidikan khas di antara satu negara dengan yang lain. Sebagai contoh, didapati bahawa 34 negara mempunyai 1% daripada murid-murid berdaftar di dalam program pendidikan khas, dan sepuluh negara mempunyai peruntukan pendidikan khas bagi satu persepuluh daripada 1% murid-murid. Angka-angka statistik untuk menggambarkan keadaan pendidikan khas bagi negara-negara membangun (termasuk Malaysia) sukar diperolehi.

Kerajaan amat prihatin dan peka dengan keperluan pendidikan bagi pelajar kurang upaya di negara ini. Apabila unit Pendidikan Khas di bahagian sekolah dinaikkan taraf menjadi Jabatan Pendidikan Khas pada tahun 1995, Kementerian telah menggubal dan mengemaskini program-program dan kemudahan pembelajaran kanak-kanak kurang upaya telah dilancarkan. Pengarah Bahagian Perkhidmatan,

Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Ahmad Tajuddin Abdul Hamid, berkata setakat ini terdapat 31 buah Sekolah Pendidikan Khas seluruh negara. Bilangan itu tidak termasuk program intergrasi yang diwujudkan di beberapa sekolah rendah dan menengah harian di samping program inklusif. Bagaimanapun program inklusif hanya membabitkan kanak-kanak keperluan khas yang menunjukkan kemajuan dalam akademik. Menerusi program inklusif kanak-kanak keperluan khas itu akan ditempatkan dalam satu kelas bersama kanak-kanak normal lain di sekolah menengah teknik dan vokasional serta berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Langkah ini adalah sebahagian usaha kerajaan memberi pendidikan kepada semua kanak-kanak tanpa mengira batasan fizikal dan mental mereka.

1.3 Latar Belakang Masalah

Pendidikan Khas bagi pelajar-pelajar cacat pendengaran (pekak) bukanlah perkara yang baru di negara kita. Ianya bermula pada tahun 1954 di Pulau Pinang. Sekolah pertama yang ditubuhkan adalah sekolah Kanak-Kanak Pekak Persekutuan Pulau Pinang. Ianya dipelopori oleh Lady Templer, Dr. Ried, Cik Joyce Hickens (sekarang Pn. Sundram) dan dibantu oleh beberapa orang pekerja sosial. Di Johor Bahru pula, sekolah kanak-kanak cacat pendengaran yang pertama dibuka ialah sekolah Temenggong Abdul Rahman, di jalan Abdul Rahman Andak yang dibuka pada tahun 1964. En. D. Sona Dev merupakan pelopor yang juga seorang guru khas di sekolah itu. (Ahmad Salleh, 1980)

Pada peringkat awalnya, pendidikan untuk pelajar-pelajar pekak ini diusahakan atau dilakukan oleh orang perseorangan dan badan sukarela. Namun, sekarang pendidikan tersebut telah dialihkan di bawah pentadbiran Bahagian Khas Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelajar-pelajar ini mendapat pendidikan mereka di sekolah-sekolah khas dan juga kelas percantuman di sekolah-sekolah biasa di tiap-

tiap negeri di seluruh Malaysia. Mereka ini belajar mengikut kurikulum seperti pelajar biasa dan juga tidak terkecuali daripada menjalani aktiviti ko-kurikulum yang sedia ada. Yang membezakan mereka adalah kecacatan yang dialami, mereka menggunakan bahasa isyarat untuk berinteraksi dan begitu juga dengan penyampaian guru-guru di sekolah-sekolah yang terlibat dengan program ini.

Di atas keperihatinan pihak Kementerian Pendidikan inilah maka peluang pendidikan untuk pelajar yang cacat pendengaran ini dibuka seluas-luasnya dengan menjadikan politeknik-politeknik di Malaysia ini sebagai pusat perkembangan ilmu bagi mereka yang ingin meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi lagi. Walaupun kita sedia maklum bahawa tidak kesemua politeknik di negara ini menyediakan peluang keemasan ini, namun ianya sudah cukup untuk memenuhi keperluan mereka yang cacat pendengaran (pekak). Pengambilan pelajar bagi program pendidikan khas di Politeknik ini dilakukan serentak di ketiga-tiga Politeknik yang terlibat iaitu pada Jun 2000.

Kursus-kursus yang ditawarkan pula adalah selaras dengan kehendak negara iaitu dibidang kejuruteraan dan hospitaliti. Syarat kemasukan bagi kursus-kursus Khas yang ditawarkan adalah begitu longgar jika dibandingkan dengan kursus yang ditawarkan kepada pelajar yang normal. Adalah difahamkan bahawa bagi calon yang ingin mengikuti atau memohon program pendidikan khas ini mestilah menamatkan persekolahan di tingkatan 5 di Sekolah Pendidikan Khas atau Program Percantuman pendidikan Khas di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Program percantuman yang dimaksudkan di sini ialah percantuman kelas di antara pelajar khas dengan pelajar yang normal tanpa berlaku pengasingan tempat. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah di peringkat sijil dan mereka akan memperolehi Sijil Kemahiran Khas Politeknik bagi bidang yang diikuti setelah menamatkan pengajian mereka.

Persoalan yang timbul, adakah politeknik-politeknik yang terlibat mampu melaksanakan Program Pendidikan Khas bagi pelajar yang pekak ini atau hanya sekadar memenuhi keperluan kerajaan sahaja. Di sini pelbagai aspek perlu diambil kira dalam menentukan kemampuan sebenar politeknik tersebut dan antaranya adalah seperti kursus-kursus serta latihan khas yang diberikan kepada tenaga pengajar perlulah mencukupi, kemahiran-kemahiran yang perlu ada pada tenaga pengajar serta kemudahan yang disediakan untuk menjayakan Program ini.

Lanjutan daripada itu, satu kajian dianggap perlu untuk mengkaji permasalahan sebenar yang wujud di dalam Program Pendidikan Khas di Politeknik terlibat agar kemampuan sebenar politeknik tersebut dapat diukur serta diperbaiki bagi mencapai matlamat sebenar program tersebut.

1.4 Pernyataan Masalah

Politeknik dijadikan satu institusi yang memberi peluang kepada golongan kurang upaya seperti pelajar-pelajar yang pekak untuk turut bersaing bagi menentukan hala tuju mereka. Setakat ini hanya Politeknik Ungku Omar, Politeknik Johor Bahru dan Politeknik Shah Alam sahaja yang menawarkan tempat kepada pelajar-pelajar keperluan khas melanjutkan pelajaran di peringkat sijil. Ketiga-tiga Politeknik ini mula beroperasi secara serentak bermula pada Jun 2000.

Walaupun terdapat dua buah lagi Politeknik yang menawarkan kursus bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas ini iaitu Politeknik Kota Bharu (Kelantan) dan Politeknik Kuching (Sarawak), namun difahamkan bahawa tiada kemasukan pelajar berkeperluan khas di Politeknik-Politeknik tersebut.

Memandangkan program pendidikan khas bagi pelajar-pelajar pekak di Politeknik adalah sesuatu yang baru, maka sudah tentulah pelbagai keperluan baik dari segi tenaga pengajar dan kemudahan diperlukan. Atas dasar ini satu langkah dianggap perlu bagi mengkaji sejauhmanakah kemampuan Politeknik dalam menjayakan program pendidikan khas untuk pelajar pekak ini. Tidak dapat dinafikan bahawa peranan tenaga pengajar adalah penting bagi menjayakan program ini kerana tenaga pengajar merupakan nadi penggerak kepada proses pengajaran tersebut. Bagi menjayakan program pendidikan khas bagi pelajar-pelajar pekak ini, pelbagai kemahiran serta latihan yang diperlukan oleh tenaga pengajar. Justeru itu, penyelidikan ini akan mengenalpasti kemahiran serta ilmu pengetahuan khusus yang diperlukan oleh pensyarah dalam menjayakan program pendidikan khas bagi pelajar pekak di Politeknik.

1.5 Tujuan Kajian.

Untuk mengenalpasti kemahiran dan keperluan yang perlu ada pada tenaga pengajar bagi menjalankan proses pengajaran di dalam pendidikan khas bagi pelajar-pelajar pekak ini, terdapat beberapa objektif khusus yang dikenal pasti dalam melakukan kajian ini, di antaranya ialah;

1. Menenalpasti sejauhmana kemahiran yang ada pada pensyarah politeknik dalam menjalankan program pendidikan khas bagi pelajar pekak.
2. Menentukan sama ada latihan khas yang sedia ada atau yang diberikan mencukupi ataupun tidak.
3. Menenalpasti sejauhmana keberkesanan prasarana yang disediakan di politeknik dalam menjalankan program pendidikan khas bagi pelajar pekak.

Bagi mencapai tujuan kajian ini, beberapa persoalan kajian telah dihasilkan seperti berikut:

1. Adakah pensyarah telah menguasai kemahiran pedagogi di dalam menjalankan proses pengajaran bagi pelajar pekak ?
2. Adakah latihan kemahiran yang sedia ada dapat membantu pensyarah di dalam menjalankan proses pengajaran bagi pelajar pekak ?
3. Adakah prasarana yang sedia ada dapat membantu proses pengajaran pendidikan khas bagi pelajar pekak ?

1.6 Kepentingan Kajian.

Dari hasil kajian ini, diharapkan dapat memberi sumbangan yang penting khususnya kepada beberapa jabatan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang terlibat dalam program pendidikan Khas ini seperti :

1. Jabatan Pendidikan Teknikal dalam membuat perancangan dan menentukan dasar, kemudahan prasarana dan latihan khusus kepada pensyarah bagi Program Pendidikan Khas di Politeknik dan Sekolah Menengah Teknik.
2. Jabatan Pendidikan Khas dalam mempertingkatkan aktiviti atau program pendidikan di bawah seliaannya.
3. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) yang merupakan institusi pendidikan yang mengeluarkan sebilangan tenaga pengajar atau pensyarah untuk Politeknik dan Sekolah Menengah Teknik. Secara tidak langsung dapatan dari kajian ini dapat membantu KUiTTHO dalam memperlengkapkan lagi bakal-bakal pensyarah yang dikeluarkan juga dengan kemahiran dalam pendidikan Khas.

RUJUKAN

- A.H Maslow (1954). *Motivation and Personality*. New York Harper 7 Row. Hlm 69 dalam Sharifah Alawiah Alsagoff, 1983. Ilmu Pendidikan Pedagogi. Kuala Lumpur : Heinemann. Asia .hlm 17.
- Ahmad Bin Mohammad Said (2000). *Pendidikan Khas Dalam sistem Pendidikan Kebangsaan: Dasar, Pelaksanaan Dan Hala Tuju Masa Depan*. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan: Kuala Lumpur.
- Ahmad Salleh (1980). *Ke arah Pendidikan Bermutu*. Jurnal Pendidikan & Pendidikan. Pusat Pengajian Ilmu. Universiti Sains Malaysia, 2, 20-35.
- Ainscow M. & Tweddle, D.A. 1988. *Encouraging Classroom Success*. London : David Fulton Publishers.
- Ainscow, M & Munchey, J. (1989). *Meeting Individual Needs In Primary School*. London: David Fulton Publishers.
- Algozzin, M. (1977). *The Emotionally Disturbed Child : Distributed of Distributing?*. Journal Of Abnormal Child Psychology, 5, 2: 205- 11
- Ary. D. (1979). *Introduction to Research In Education*. New York ; HOH, Renhart and Winston.
- Asmah Omar (1981). *Bahasa dan Pemikiran Bagi Orang Pekak*. Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. 15(2), hlm 51-56.
- Azmi Abd Jalil (1985). *Masalah Pembelajaran di kalangan Kanak-Kanak Pemulihan*, dari Bahagian Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Best, J.W. & Kahn, J.V (1998). *Research In Education*. Massachusets: Allyn & Bacon

Buletin Kementerian Pendidikan Malaysia, Jilid 6 Bilangan 1, Januari 2000

Chua Tee Tee (1981). *Perkembangan Terbaru Dalam Usaha Mengatasi Masalah Pendidikan Kanak-kanak yang cacat pendengaran*. Suara Pendidik. 7 (4). Hlm : 8 – 34.

Chua Tee Tee (1982). *Pengajaran Kanak-kanak luar biasa*, Dalam Isahak Haron dan Koh Boh Boon (ed). *Asas-Asas Dalam Amalan Pedagogi*. Kuala Lumpur : Utusan Publishing. Hlm 186 – 197.

Chua, Tee Tee dan Koh Boh Boon (1992). *Pendidikan khas Dan Pemulihan: Bacaan Asas*. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Cohen, Marion, Louis, Lawrence (1994). *Research Methods in Education*. London : Route Ledge.

Cole, P.G., & Cohen, L. (1986). *Method and Strategies for Special Education*. Prentice Hall, Sydney.

Crow-Crow (1983), *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dunn, Lloyd M. (1963). *An Overview*. Dalam Lloyd M. Dunn (ed) *Exceptional Children in The School*. New York : HOH, Rineheart & Winston. Hlm 36-39.

Edmond, R. (1982). *Programmes of School Improvement: An Overview*. *Educational Leadership*, 40.3:4-11

- Ee Ah Meng (1996). *Pendidikan di Malaysia ; Falsafah Pendidikan, guru dan sekolah*. Fajar Bakti Sdn. Bhd. Shah Alam.
- Gearheart, B.R, Weishahn, M.W. and Gearheart. C.J. (1996). *The Exceptional student In regular Classroom*. 6th Ed. Englewoods Cliffs, N.J: Prentice-Hall, Inc.
- Haji Abdul Rahman Arshad (1984). *Bimbingan dan Kaunseling dari perspektif Islam*. Kuala Lumpur : PERSIS.
- Joyce Bishop & Well (1980). *Keys to Effective Learning*. 1st edition. New York : Prentice Hall, Inc. Page 1-25.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1986). *Laporan Asia and Pasific programme of Education Innovation on Teaching in Difficult Education*. Contexts (DECs).
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1987). *National Training Workshop on Teaching in Difficult Education Contexts*. Kuala Lumpur : Bahagian Pendidikan Guru.
- Kerlinger, F.N. (1964). *Foundations of Behavioural Research*. Forth Worth : HOH, Rinehart & Winstons.
- Kraska, M.F. (1996). *Trade and Industrial Teachers knowledge Related to Special Population*. Journal of Industrial Teacher education, 33(2), 47-59.
- Landell, K (1997). *Management by Menu*, London : Wiley and sons Inc.
- Low Chee Kaip (1992). *The Visually Handicapped in west Malaysia*, Kertas projek. LLB, Universiti Malaya.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Mohd Najib Ab. Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Edisi Pertama. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh & Zaidatun Tasir (2001). *Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 11.0 for Windows*. Kuala Lumpur : Cetakan Pertama Venton Publishing.
- Nichollas, S.H dan Nichollas, A.(1993). *Perkembangan Kurikulum Satu Panduan Praktis*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Noraini Salleh (1988). *Curriculum Planning for Special education Programmes National University Of Malaysia*. UMI (University Information services). Michigan.H. Bell and Howell Information Company.
- Oppenheim, A.N (1996). *Questionnaire Design and Attitude Measurement*. London. Heinemann Edu. Books Ltd.
- P. Quigley, Stephen, P and Kretschien (1982). *The Educational of Deaf Children Balthore* : University Park Press.
- Percival, F and Ellington, H. Penterjemahan, Noran Fauziah Yaacob (1994). . Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Porter, A.C. & Brophy, J.E. (1988). *Synthesis of Research On Good Teaching: Insight From The Work Of The Institute of Research on Teaching*. Educational Leadership, *Buku Panduan Teknologi Pendidikan*48, 4: 74-85.
- Robiah Bt. Kulop Hamzah (1988). *Fungsi & Masalah Guru Khas Pemulihan di dua buah Sekolah Rendah di Selangor* (disertasi sarjana pendidikan). Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1985). *Sosiologi Pendidikan* . Kuala Lumpur : Heinemann.

Sharifh alwiah Alsagoff (1914). *Ilmu Pendidikan Pedagogi*. Selangor : Siri Maktab Perguruan , Heinemann (Malay) Sdn. Bhd.

Thomas M. Stephen (1975). *Directive Teaching of Children with Learning and behavioral Handicaps*. Columbus, Charles & Merrill. Edisi Kedua. Hlm 2-4.

UNESCO, (1988). *Review of The Present Situation in special education*. Paris : UNESCO.

UNESCO, (1993). *Special Needs in The Classroom : Teacher Education Resource Park*. Paris : UNESCO.

UNESCO, (1994). *The Salamanca Statement and Framework On Special Needs Education*. Paris : UNESCO.

Wiersma, William (1995). *Research Method in Education : An Introduction*. Cetakan Ke enam. Allyn and Bacon. Needham Height, Massachusetts.

Ysseidyke, J dan algozzine, B. (1982). Encouraging. *Learning Disabilities as a Subject of School Failure : The Over Sophistication of a Concept*. Exceptional Children. 50, hlm 242-246.

Zalizan Mohd Jelas. (1995) (a). *Strategi Bagi Pelaksanaan Pendidikan Inklusif*. Kertas Kerja yang dibentangkan pada Seminar Pendidikan Inklusif. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan: Kuala Lumpur.

Zalizan Mohd Jelas. (1995) (b). *Preparing teachers for special needs Education In Malaysia : A Case For International Cooperation*. Kertas Kerja yang dibentangkan pada International Special Education Congress. Birmingham, England.